**MESYUARAT JAWATANKUASA PASUKAN TINDAK BALAS KECEMASAN (JPERT)**
**ZON C4 (FKTM ZON A, FKTEN PAUH 2 DAN PKU), KAMPUS ALAM UniMAP, PAUH PUTRA**
**BIL. 1/2023**

| | | |
|---|---|---|
| Tarikh | : | 17 April 2023 (Isnin) |
| Masa | : | 10:00 pagi – 11.00 pagi |
| Tempat | : | Makmal FKTM A5, FKTM Zon A |

Agenda:

1. Kata aluan Komander Insiden zon C4
2. Pembentangan status terkini dan perancangan 2023
3. Hal-hal berbangkit
4. Penutup oleh Komander Insiden zon C4

| BIL. | PERKARA | TINDAKAN |
|---|---|---|
| 1 | ***Kata aluan Komander Insiden zon C4***<br><br>• Mengucapkan selamat pagi dan mengalu-alukan kedatangan semua ahli Jawatankuasa Pengurusan Pasukan Tindak Balas Kecemasan (JPERT) zon C4 yang hadir.<br>• Perancangan untuk mengadakan aktiviti-aktiviti berkaitan JPERT zon C4 pada tahun 2023 perlu dilaporkan atau dikemaskini kepada Mesyuarat Jawatankuasa Keselamatan, Pesekitaran Dan Kesihatan Pekerjaan (JPKPKP), Fakulti Kejuruteraan Dan Teknologi Mekanikal (FKTM). | -<br><br>- |
| 2 | ***Pembentangan status terkini dan perancangan 2023***<br><br>• Komander insiden Zon C4 memulakan pembentangan dengan memberitahu penyusunan semula JPERT di zon C4 selepas penstrukturan semula dengan mengambilkira semua PTj yang berada di zon C4.<br>• PTj yang mempunyai lebih dari 40 orang setiap jabatan digalakkan untuk menubuhkan ERT di peringkat PTj yang mana merupakan pasukan terlatih dengan kemahiran dan pengetahuan menghadapi situasi kecemasan seperti kebakaran, gegaran, rusuhan dan seumpamanya.<br>• Surat pelantikan dikeluarkan kepada setiap staf yang menyatakan tempoh pelantikan berkuatkuasa dan ditandatangani oleh ketua PTj.<br>• Ahli JPERT mempunyai kemahiran dalam menggunakan peralatan pencegahan dan kelengkapan keselamatan kebakaran serta berkeupayaan bertindak segera untuk memberikan bantuan menyelamat dan mengungsi bangunan.<br>• Ahli JPERT memastikan tatacara dan tindakan yang perlu diambil bagi menghadapi sebarang insiden kejadian kecemasan semasa berada di dalam kawasan/ premis Zon C4. | -<br><br>-<br><br>-<br><br>-<br><br>- |

| BIL. | PERKARA | TINDAKAN |
|---|---|---|
| | • Komander Insiden zon C4 melaporkan status jawatankuasa pengurusan pasukan tindak balas kecemasan JPERT Zon C4 terkini yang terdiri hanya dari wakil ERT FKTM zon A sehingga kini.<br>• Pasukan ERT FKTM zon A telah merancang untuk mengadakan latihan pengungsian bangunan seawal awal tahun 2024.<br>• Video keselamatan FKTM masih dalam proses penyediaan dan tinggal fasa terakhir untuk dimasukkan suara.<br>• Pasukan ERT FKTM zon A diminta untuk mengemaskini maklumat/info kebakaran seperti pelan laluan kecemasan, prosedure kecemasan, talian kecemasan, papan tanda keselamatan dan maklumat pasukan ERT.<br>• Pasukan ERT FKTM A turut dipohon untuk memastikan semua peralatan pencegah kebakaran berada dalam keadaan baik dan boleh digunakan pada bila-bila masa, dan laluan kecemasan sentiasa bebas dari sebarang halangan.<br>• Cadangan untuk mewujudkan borang taklimat keselamatan yang perlu diisi oleh semua pelajar sebelum menggunakan sesuatu peralatan.<br>• Komander Insiden zon C4 menerangkan kepatuhan garis panduan penyediaan peti pertolongan cemas. Terdapat cadangan untuk menyediakan peti pertolongan cemas yang mematuhi semua peralatan yang disyorkan dalam garis panduan, manakala peti pertolongan cemas di kebanyakan makmal adalah hanya mengandungi perubatan yang minimum. Masih dalam perbincangan dengan pihak COSHE mengenai cadangan tersebut.<br>• Pensijilan semula alat pemadam api di bawah tanggungan FKTM akan berlangsung pada 8 Mei 2023, semua ERT zon A diminta bersedia untuk proses pengumpulan alat pemadam api yang akan dibuat. | -<br>JPERT<br>ERT FKTM<br>JPERT<br>JPERT<br>-<br>-<br>JPERT |
| | ***Hal-hal berbangkit***<br>• Tiada hal berbangkit | - |
| 4 | ***Penutup oleh Komander Insiden zon C4***<br>• Ucapan terima kasih atas kerjasama, cadangan dan pandangan yang diberikan oleh ahli JPERT zon C4 untuk persediaan Mesyuarat Jawatankuasa Keselamatan, Pesekitaran Dan Kesihatan Pekerjaan (JPKPKP), Fakulti Kejuruteraan Dan Teknologi Mekanikal (FKTM).<br>• Mesyuarat ditangguhkan pada jam 11.00 pagi. | -<br>- |

Disediakan oleh:

(En. Masri Zairi Mohd Zin)

Komander Insiden Zon C4

Disahkan oleh:

(Ts. Dr. Tan Wee Choon)

Pengurus JPKPKP FKTM

Senarai kehadiran ahli JPERT Zon C4 untuk Mesyuarat Jawatankuasa Penyelaras Pasukan Bertindak Kecemasan (JPERT) Zon C4 (FKTM Zon A, FKTEN Pauh 2 dan PKU), Kampus Alam UniMAP, Pauh Putra. Bil. 1/2023. **Tarikh: 17 April 2023**

| BIL | NAMA | JAWATAN | KEHADIRAN |
|---|---|---|---|
| 1 | En. Masri Zairi Mohd Zin | Komander Insiden Zon C4 | |
| 2 | Tc. Narzrezal Abdul Razak | P. Jurutera | |
| 3 | En. Mazlan Mohd Husin | Ketua Bantu Mula | |
| 4 | En. Mohd Nazri Abdul Hamid | First Aider | |
| 5 | En. Mohamad Jasmin Shaari | AJK Pasukan Bantu Mula | |
| 6 | En. Mohd Shukri Nordin | AJK Pasukan Bantu Mula | |
| 7 | En. Rashid Ramli | AJK Pasukan Pemadam & Penyelamat | |
| 8 | En. Mohd Nazmi Mohammad Radzi | Pen. Jurutera | |
| 9 | En. Muhamad Fairuz Abdul Karim | AJK Pasukan Pemadam | |
| 10 | En. Suhelmi Wi @ Senawi | AJK Pasukan Pemadam | |
| 11 | En. Roszi Anuar Hamid | Ketua Pasukan Kawalan Trafik | |
| 12 | Pn. Misni Rosli | Ketua Stor | |
| 13 | En. Mohd Nazry Mat Nayan | Ketua Aras | |